



iSelamat Tingkatkan Keselamatan Masyarakat

iSelamat merupakan laman web yang memaparkan maklumat jenayah di sebuah kawasan kejiran dan sekitar komuniti dalam bentuk peta. Laman web berkenaan dibentuk bagi memudahkan masyarakat mendapatkan maklumat jenayah secara terperinci di sebuah kawasan, selain menyediakan panduan serta tips pencegahan jenayah yang boleh diamalkan.

Turut disediakan adalah maklumat penting keselamatan seperti nombor telefon anggota serta balai polis berdekatan, Persatuan Penduduk, dan Rukun Tetangga bagi membolehkan tindakan segera di ambil.

iSelamat.my telah dibangunkan hasil kerjasama Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) di bawah Program Bandar Selamat.

SPBS telah dibangunkan secara berperingkat sejak 2010 dan kini digunakan di semua Balai Polis dan PBT seluruh Malaysia, dan antara kemampuan SPBS adalah mampu mengenalpasti kawasan panas berdasarkan kepada masa (jam, hari, mingguan, bulanan) dan lokasi dengan ketepatan saintifik.

Sistem itu juga berupaya menjana analisis tren jenayah dalam bentuk spatial yang amat berguna dalam perancangan pembangunan kawasan baharu dengan penggunaan sumber lebih optimum.



iSelamat.my

lebih bersedia • lebih selamat

Laman web iSelamat.my merupakan laman web rasmi yang memaparkan info jenayah bagi balai polis di kawasan kejiran dan sekitar komuniti dalam bentuk peta (crime mapping).

KANDUNGAN MAKLUMAT

- **9 Jenis jenayah indeks**
 - i. Pecah rumah dan curi
 - ii. Curi ragut
 - iii. Curi motosikal
 - iv. Curi motokar
 - v. Curi van/lori
 - vi. Samun tanpa senjata api
 - vii. Samun berkawan tanpa senjata api
 - viii. Samun bersenjata api
 - ix. Samun berkawan bersenjata api
- **Maklumat perhubungan PDRM**
- **Maklumat jenayah 3 bulan terkini**
- **Info dan panduan pencegahan jenayah**
- **Maklumat perhubungan**
- **Jawatankuasa Perwakilan**
- **Penduduk, Rukun Tetangga dan Persatuan Penduduk**



TUJUAN

- Berkongsi maklumat rasmi jenayah dengan orang awam
- Memudahkan perhubungan antara komuniti dengan pihak berkuasa keselamatan
- Langkah pencegahan awal bagi mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah



KAWASAN LIPUTAN

Sebagai projek perintis, maklumat laman web ini meliputi 14 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), iaitu:

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang
- Majlis Bandaraya Johor Bahru
- Perbadanan Putrajaya
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Majlis Perbandaran Seberang Pera
- Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- Majlis Perbandaran Pasir Gudang
- Majlis Perbandaran Klang
- Majlis Perbandaran Selayang
- Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Majlis Perbandaran Kajang

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari, 50646, Kuala Lumpur
No. Tel: 03-22650600
No. Faks: 03-22650601
E-mel: korporat@townplan.gov.my

DAPATKAN SECARA PERCUMA!

GET IT ON Google Play Download on the App Store



Sumber: Unit Komunikasi Korporat